

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB [PULAI]

TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB [PULAI] minta **MENTERI KESIHATAN** apakah Kerajaan bersedia mencadangkan satu polisi insurans khusus untuk pesakit mental mendapatkan kos perubatan memandang kos perubatan dan kaunseling penyakit mental adalah tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

1. Kementerian Kesihatan menyedari tentang kepentingan polisi insurans untuk pesakit mental dari segi mendapatkan perkhidmatan kaunseling dan rawatan. Ini mengambil kira bahawa kos untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dan rawatan penyakit mental adalah berbeza di fasiliti kesihatan kerajaan berbanding swasta yang mana kos bagi merawat pesakit mental di fasiliti swasta adalah tinggi dan bagi pesakit di dalam kategori B40 berkemungkinan mempunyai kesukaran untuk menampung kos rawatan tersebut.
2. Buat masa ini terdapat tiga (3) syarikat insurans yang menyediakan manfaat perlindungan untuk penyakit mental, iaitu AIA Bhd, Etiqa Life dan Prudential BSN. Pelan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:
 - (i) Etiqa menyediakan liputan bagi penyakit mental yang didiagnosis oleh Pakar Psikiatri termasuk penyakit:
 - (a) *Bipolar Affective Disorder;*
 - (b) *Major Depressive Disorder;*
 - (c) *Schizophrenia;* atau
 - (d) *Schizoaffective Disorder.*
 - (ii) AIA Bhd pula menyediakan liputan sebanyak RM1,500 setahun untuk tuntutan perundingan kesihatan mental.
 - (iii) Prudential BSN yang menawarkan perlindungan meliputi rundingan psikiatri pesakit luar, rawatan dan ubat-ubat bagi penyakit mental seperti gangguan kemurungan, gangguan keresahan, penyakit *Bipolar* dan *Schizophrenia.*
3. KKM menyambut baik cadangan serta menyokong usaha agar lebih lagi bilangan syarikat insurans menawarkan polisi insurans bagi pesakit mental khususnya untuk diperluaskan kepada skop perkhidmatan yang

selari dengan halatuju Kementerian Kesihatan.

4. Selain itu, kerajaan juga turut melaksanakan inisiatif bagi memastikan akses tanpa sempadan untuk intervensi dan rawatan masalah kesihatan mental di fasiliti kesihatan di bawah seliaan kerajaan melalui pelaksanaan aktiviti di bawah Pelan Strategik Kesihatan Mental (2020-2025). Pelan strategik ini dirangka berpandukan kepada pendekatan kesihatan awam yang menggariskan inisiatif seperti berikut:

- (i) Mempromosikan kesihatan mental terhadap semua lapisan masyarakat;
- (ii) Memastikan penyediaan dan capaian perkhidmatan kesihatan mental yang komprehensif dan berkualiti;
- (iii) Memperkuatkan kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan mental semasa krisis dan bencana; dan
- (iv) Meningkatkan usaha kolaborasi bersama agensi-agensi berkepentingan.

Sekian, terima kasih.